

31 OCT 1996

Annuar-Jawatankuasa

JAWATANKUASA BERTINDAK MANTAPKAN JENTERA UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 31 Okt (Bernama) -- Badan Perhubungan UMNO Kelantan akan menubuhkan jawatankuasa bertindak untuk mengukuhkan lagi kedudukan parti itu dan Barisan Nasional (BN) di negeri ini.

Timbalan Pengerusinya Datuk Annuar Musa berkata jawatankuasa itu akan diketuai Setiausaha badan itu Datuk Ariffin Hamid dan bekas pengerusi badan perhubungan Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang telah dibubarkan, Datuk Rozali Isohak.

"Jawatankuasa itu amat penting bagi mengukur sejauh mana kekuatan UMNO selepas kemasukan anggota bekas S46 ke dalam UMNO," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan kesemua 18 Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari BN di sini hari ini.

Annuar berkata, Ariffin dan Rozali telah diarahkan mengemukakan satu bentuk perancangan dan penyusunan yang perlu dibuat oleh UMNO di semua peringkat bagi memantapkan jentera parti.

Annuar berkata, setelah selesai penyusunan itu UMNO akan mengadakan ceramah dari setempat ke setempat bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai perjuangan UMNO dan kelemahan PAS yang memerintah negeri ini.

Sehubungan itu anggota UMNO diminta bekerjasama dengan rakan-rakan mereka dari bekas S46 agar perpaduan dapat dijalinan dengan lebih erat seperti menganjurkan majlis muhibah sesama mereka.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar mengumumkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan peruntukan RM8 juta bagi diagehkan di kalangan kesemua ADUN BN di Kelantan untuk melaksanakan program pembangunan, ekonomi dan sosial.

"Peruntukan tambahan itu bagi memudahkan ADUN berkenaan melaksanakan program yang diperlukan di kawasan mereka. Jumlah itu tidak termasuk program pembangunan yang sedia diperuntukkan seperti bagi membina jalan raya, bekalan elektrik," katanya. -- BERNAMA

ZI NMO